

**DEWAN NEGARA MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH MARIANY BINTI MOHAMMAD YIT

TARIKH : 27 APRIL 2015

SOALAN :

Puan Hajah Mariany Binti Mohammad Yit minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapa ramaikah syarikat-syarikat atau individu yang diambil tindakan perundangan di bawah peruntukan Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Pemuliharaan Tanah 1960 dan sebarang akta yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran ekoran banjir besar Disember 2014 dan kejadian banjir lumpur kedua Cameron Highlands.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fungsi dan skop utama Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah mentadbir dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 beserta 37 peraturan-peraturan dibawahnya khususnya pencemaran yang tertakluk dan dihasilkan oleh industri atau premis. Bagi maksud kejadian banjir besar pada Disember 2014 dan kejadian banjir lumpur kedua Cameron Highlands maka ianya diluar bidang kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sekian, terima kasih.